

Kehadiran Anomali Magnet Yan Berdasarkan Data Graviti

Takrifan terbaik anomali aeromagnetik Yan yang terletak di utara Gunung Jerai Kedah dikaji lebih lanjut dengan menjalankan kajian terperinci rentasan graviti pada arah lebih kurang utara-selatan. Selepas sahaja reduksi piawai dilakukan terhadap data graviti mentah, profil graviti Bouguer akan diperolehi. Tren rantau yang jelas, dengan penurunan nilai graviti secara seragam ke arah selatan dapat dilihat. Ini merupakan kesan intrusi granit utama di bahagian tengah Gunung Jerai. Pertindanan kawasan rantau ini memberikan dua anomali graviti negatif dan satu anomali positif. Anomali tengah dengan magnitud -1.2 mgal sama dengan anomali magnet Yan. Model matematik mencadangkan jasad penyebab adalah intrusi igneus dengan puncak lebih kurang 31 m bawah permukaan. Model graviti ini berkadar terus dengan model magnetik berdasarkan data terperinci magnetik bumi yang telah dibuat dahulu.
